

Kertas peperiksaan ini mengandungi 2 Seksyen iaitu Seksyen 1 dan Seksyen 2.

Seksyen 1 (A) dan 1(B) : Jawab semua soalan

Seksyen 2 : Jawab (4) daripada enam (6) soalan

SEKSYEN 1 (A) : Soalan Aneka Pilihan (20 markah)

Baca dengan teliti kenyataan di bawah dan pilih jawapan yang paling tepat. Tulis jawapan dalam bentuk huruf A,B, C atau D pada kertas jawapan anda.

1. Antara berikut, yang manakah objektif khusus Bahagian Perancangan?
 - A. Menyediakan program pertanian kepada petani.
 - B. Menyediakan latihan dan khidmat nasihat kepada swasta
 - C. Menyediakan latihan dan khidmat teknikal kepada pekebun kecil.
 - D. Menyediakan maklumat yang tepat dan terkini mengenai sektor pertanian.

2. Manakah diantara yang berikut, merupakan satu daripada fungsi utama Bahagian Perancangan?
 - A. Melaksanakan program dan projek pembangunan.
 - B. Merancang dan melaksanakan program dan projek pembangunan pertanian.
 - C. Memantau dan menilai prestasi program dan projek pembangunan Jabatan Pertanian.
 - D. Merancang, melaksanakan dan memantau program dan projek pembangunan pertanian.

3. Bahagian Perancangan terlibat dengan semua aktiviti-aktiviti berikut, **KECUALI**
 - A. Banci pertanian.
 - B. Banci penduduk.
 - C. Survei bunga-bunga.
 - D. Penyiasatan pengeluaran padi.

4. Di antara sistem aplikasi maklumat pertanian yang digunakan di Bahagian Perancangan ialah
 - A. ASIS dan SM
 - B. AAIS dan NBS
 - C. AAIS dan ASIS
 - D. SIFBAS dan SM

5. Manakah diantara kerja yang berikut, merupakan kerja yang **TIDAK** berkaitan dengan penyiasatan pengeluaran tanaman makanan?
- A. Pembantu pertanian mengumpul data di lapangan
 - B. Data diverifikasi dan disahkan oleh pegawai di Ibu Pejabat
 - C. Data dimasukkan secara on-line di pejabat pertanian daerah
 - D. Pembantu Pertanian memantau pelaksanaan projek di lapangan
6. Pernyataan yang manakah **TIDAK BENAR** tentang peranan yang dimainkan oleh Bahagian Perancangan dalam pembangunan aplikasi sistem maklumat pertanian?
- A. Membangunkan sistem aplikasi maklumat pertanian.
 - B. Menyediakan *Information Technology Strategic Plan* (ITSP) Jabatan.
 - C. Menyediakan anggaran bajet tahunan untuk peralatan komputer bagi Jabatan.
 - D. Berkerjasama dengan pihak SAINS untuk membangunkan sistem aplikasi maklumat pertanian.
7. Manakah antara yang berikut merupakan **BUKAN** tujuan sistem pemantauan SPP II?
- A. Memantau prestasi projek pembangunan RMKe-9.
 - B. Memantau prestasi projek yang dilaksanakan oleh swasta dalam RMKe-9.
 - C. Menyediakan pangkalan data bagi semua projek pembangunan RMKe-9.
 - D. Membolehkan kita dapat maklumbalas mengenai masalah pelaksanaan projek RMKe-9.
8. Sistem pemantauan Sarawak Monitor boleh diakses melalui
- A. *e-mail*
 - B. *internet explorer*
 - C. *Adobe reader 7.0*
 - D. *web application window*
9. Berikut merupakan ciri-ciri template prestasi fizikal yang terdapat di sistem Sarawak Monitor, **KECUALI**
- A. Mempunyai maklumat dan butiran semua pembekal.
 - B. Pelbagai unit pengukuran indikator pencapaian boleh dipilih.
 - C. Template yang berlainan bagi projek fizikal dan bukan fizikal.
 - D. Membolehkan pemantauan bagi fasa-fasa pelaksanaan yang berlainan.
10. Banci Pertanian adalah satu kaedah tinjauan yang menyiasat ke atas
- A. 25 % populasi petani.
 - B. 50 % populasi petani.
 - C. 75 % populasi petani.
 - D. 100 % populasi petani.

SEKSYEN 1(B) Soalan Pendek (Jawab semua 5 soalan : 20 markah)

Berikan jawapan yang ringkas bagi soalan berikut.

Soalan 1

Nyatakan **DUA (2)** sistem aplikasi maklumat pertanian yang digunakan di Bahagian Perancangan. **(4 markah)**

Soalan 2

Berikan **DUA (2)** laporan pemantauan yang dihantarkan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Malaysia. **(4 markah)**

Soalan 3

Nyatakan **DUA (2)** jenis maklumat yang perlu dikemaskinikan di dalam Sistem Pemantauan Projek II (SPPII). **(4 markah)**

Soalan 4

Berikan **DUA (2)** jenis penyiasatan yang dijalankan oleh Seksyen Statistik. **(4 markah)**

Soalan 5

Berikan **EMPAT (4)** kaedah untuk mengumpul data primer dalam sesuatu survei. *(Give **four (4)** methods of collecting primary data in a survey.* **(4 markah)**

Seksyen 2 : Soalan Esei (60 markah)

Jawab EMPAT (4) soalan sahaja daripada ENAM (6) soalan berikut.

Soalan 1

Huraikan **LIMA (5)** fungsi Seksyen Perancangan, Bahagian Perancangan.

*(State **five (5)** functions of Planning Section, of Planning Branch)* **(15 markah)**

Soalan 2

Setelah menerima surat kelulusan pelupusan perkakasan IT daripada Setiausaha Kewangan Negeri, nyatakan **TIGA (3)** langkah seterusnya yang perlu diambil untuk melengkapkan pelupusan perkakasan IT tersebut

*(After receiving the approval letter for the disposal of IT equipment from the State Financial Secretary Office, state **three (3)** more steps which need to be taken to complete the disposal of the IT equipment).* **(15 Markah)**

Soalan 3

Satu daripada aktiviti yang dijalankan oleh Bahagian Perancangan ialah pengumpulan perangkaan pertanian melalui penyiasatan pengeluaran. Nyatakan dan beri tujuan **TIGA (3)** aktiviti penyiasatan pengeluaran yang biasa dijalankan.

*One of the activities carried out by Planning Branch is the collection of agricultural statistics through production surveys. State and give the objectives of **three (3)** production surveys which are carried out.* **(15 Markah)**

Soalan 4

Nyatakan **TIGA (3)** daripada objektif pelaksanaan sistem pemantauan projek, Sarawak Monitor.

*State **three (3)** of the objectives of implementing the project monitoring system, Sarawak Monitor.* **(15 markah)**

Soalan 5

Di dalam laporan prestasi kewangan bagi program pembangunan Persekutuan dalam RMKe-9, maklumat-maklumat yang dilaporkan ialah nama projek, siling RMKe-9, peruntukan tahun semasa, perbelanjaan mengikut J.A.N, tanggungan dan peratus pencapaian perbelanjaan. Dalam konteks laporan ini terangkan maksud perkara-perkara berikut.

(i) Peratus pencapaian perbelanjaan

(ii) Perbelanjaan mengikut J.A.N.

(iii) Tanggungan

(15 Markah)

(In the financial progress report for the Federal development projects in 9MP, the information reported are name of project, 9MP ceiling, allocation for current year, expenditure according to J.A.N, commitment and expenditure percentage achievement. In the context of this report explain the meaning of the following).

(i) *Percentage expenditure achievement*

(ii) *Expenditure according to J.A.N.*

(iii) *Commitment*

Soalan 6

Nyatakan **LIMA (5)** ciri pembanci yang baik.

*(State **five (5)** characteristics of a good enumerator.)*

(15 markah)